

08/02/2002

30 peratus pengajaran di UPM guna bahasa Inggeris

Zabidi Hitam

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan mewajibkan 30 peratus daripada bahan pengajaran dan pembelajaran bagi semua program di universiti berkenaan dikendalikan dalam bahasa Inggeris pada sesi akan datang.

Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof Dr Muhamad Awang berkata, langkah itu diambil bagi memastikan semua mahasiswa UPM mampu menguasai ilmu dengan lebih menyeluruh bagi menghadapi era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan globalisasi.

Penguasaan ilmu adalah isu yang perlu diteliti dengan lebih serius oleh mahasiswa untuk berhadapan cabaran berkenaan.

Beliau berkata, mahasiswa khususnya di kalangan bangsa Melayu akan ketinggalan dan terpinggir sekiranya masih menganggap bahasa Inggeris tidak penting.

"Mahasiswa perlu menguasai bahasa antarabangsa itu. Saya akan membawa cadangan mewajibkan 30 peratus daripada bahan pengajaran dan pembelajaran termasuk modul dalam bahasa Inggeris pada mesyuarat Senat UPM akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Wacana "Hala Tuju Strategi Komunikasi Menghadapi Era Globalisasi" anjuran bersama pelajar Program Bacelor Komunikasi Semester Tujuh Pendidikan Jarak Jauh dan Kementerian Penerangan Malaysia di dewan Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (Ideal) Serdang, Selangor baru-baru ini.

Tiga ahli panel membincangkan wacana itu yang diketuai Pengerusi Bernama yang juga Ketua Editor Berita Publishing Sdn Bhd, Datuk A Kadir Jasin; Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof Dr Shaik Mohd Noor Alam S M Hussein dan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Muhammad Salleh Rafei yang dipengerusikan Abdul Mua'ti Ahmad.

Muhammad juga mencadangkan supaya kurikulum program komunikasi di universiti itu digubal untuk melahirkan sarjana dan graduan yang mampu bersaing bukan sahaja di bidang pendidikan tetapi juga mewujudkan rakyat yang cemerlang.

Katanya, kurikulum itu hendaklah selaras dengan Kementerian Pendidikan sekali gus sesuai dengan hala tuju isu menghadapi era golabalisasi ini.

Beliau berkata, globalisasi merangkumi pelbagai bidang bukan sahaja agenda tempatan tetapi juga membabitkan peringkat antarabangsa.

Globalisasi adalah fonomena yang baru berlaku dan wujud berikutan perkembangan dan pembangunan ICT.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya sama ada dalam negara dan di peringkat antarabangsa sering mengingatkan mengenai globalisasi bentuk baru yang sukar diatasi.

"Dalam menghadapi bentuk globalisasi ini kita perlu memikirkan bagaimana untuk menjalankan perniagaan bagi tempoh 25 tahun akan datang kerana persaingannya sungguh hebat berbanding 15 tahun lalu," katanya.

Sementara itu, A Kadir menyokong langkah UPM yang mewajibkan pelajarinya menguasai bahasa Inggeris sekali gus menerima hakikat ia sebagai bahasa antarabangsa yang penting.

Beliau mengambil contoh, penggunaan bahasa Inggeris begitu menyeluruh malah mereka yang menunaikan fardu haji di Makkah terpaksa berkomunikasi menggunakan bahasa itu sekiranya tidak mengetahui bahasa Arab dan begitu juga di negara lain.

Dalam penggunaan dan keperluan telekomunikasi dipermudahkan secara meluas dengan bahasa Inggeris memainkan peranannya termasuk penggunaan

Internet.

Katanya, mengikut kajian 57 peratus masyarakat Afrika menggunakan bahasa Inggeris ketika melayari maklumat di Internet manakala rakyat Perancis yang berbangga dengan bahasa mereka hanya 3.3 peratus menggunakan bahasanya.

"Ini membuktikan bahasa Inggeris diterima di peringkat antarabangsa malah orang Jawa yang menggunakan bahasa Jawa yang kita lihat dalam pencarian Internet juga terpaksa menggunakan bahasa Inggeris sebagai rujukan," katanya.

Oleh itu, A Kadir berkata, masyarakat Melayu di negara ini juga tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bahasa Melayu. Bahasa Inggeris menjadi bahasa utama ketika melayari Internet.

(END)